



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**FORUM DAN PAMERAN PERAKAUNAN**

1. Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama *Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants* (BICPA) telah mengadakan majlis pembukaan sempena Forum dan Pameran Perakaunan yang akan berlangsung selama dua (2) hari pada hari Selasa, 12hb., Mei, 2026 hingga hari Rabu, 13hb., Mei, 2026. Acara ini diadakan bertempat di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan tema "*Redefining the Profession: Shaping the Future of Accounting in Brunei Darussalam*".
2. Acara ini bertujuan untuk mempromosi profesion perakaunan, menyediakan platform bagi pakar dan ahli-ahli yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar pandangan serta pengalaman mengenai isu-isu dan perkembangan terkini yang berkaitan dengan perakaunan dan memudahkan *networking* di kalangan pihak yang berkepentingan.
3. Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis pembukaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang menyampaikan ucap tama yang menekankan kepentingan profesion perakaunan dalam memastikan integriti kewangan, ketelusan, akauntabiliti dan pertumbuhan perniagaan yang mampan bagi menyokong salah satu matlamat Wawasan Negara 2035 iaitu bagi mencapai pembangunan ekonomi dinamik dan mampan.
4. Akauntan turut digalakkan untuk memanfaatkan data dan *Artificial Intelligence* (AI) bagi membantu pemilik perniagaan dalam membuat keputusan, mengurangkan risiko dan lebih menumpukan pada ramalan dan strategi, dalam dunia yang pantas berubah hari ini.
5. Acara juga telah menampilkan beberapa penceramah dari dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang perakaunan bagi sama-sama membincangkan topik sejajar dengan tema serta beberapa pameran informasi daripada Agensi Kerajaan dan Sektor Swasta seperti BICPA, firma-firma perakaunan dan pihak-pihak lain yang menyediakan perkhidmatan sokongan bagi perniagaan-perniagaan di Negara ini.
6. Seramai kira-kira lebih 500 orang telah menghadiri hari pertama acara berkenaan termasuk pemilik perniagaan, pengarah syarikat, profesional perakaunan, pelajar, ahli akademik, graduan, pencari kerja dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:  
Bahagian Hasil  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam  
Emel: [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn)

Reference: H/KORP/27  
Date: 24 Zulkaedah 1447/ 12 Mei 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**ACCOUNTING FORUM AND EXHIBITION**

1. The Revenue Division, Ministry of Finance and Economy and the Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) have organised the opening ceremony for the Accounting Forum and Exhibition which will take place for two (2) days on Tuesday, 12th May 2026 and Wednesday, 13th May 2026. This event has been held at the Ministry of Finance and Economy Building with the theme "Redefining the Profession: Shaping the Future of Accounting in Brunei Darussalam".
2. The event aims to promote the accounting profession, provide a platform for experts and members who are directly and indirectly involved to share knowledge and exchange views and experiences on issues and latest development relating to accounting and facilitates networking among the stakeholders.
3. Present as the Guest of Honour at the opening ceremony was Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Minister at the Prime Minister's Office and Minister of Finance and Economy II who delivered a keynote address emphasizing the importance of the accounting profession in ensuring financial integrity, transparency, accountability and sustainable business growth to support one of the goals of National Vision 2035 to achieve dynamic dan sustainable economic development.
4. Accountants were also urged to leverage data and Artificial Intelligence (AI) to help business owners in making decisions, mitigating risk and focusing more on forecasting and strategy, in today's fast-changing world.
5. The event also featured various local speakers and speakers from overseas who were directly and indirectly involved in the accounting industry to discuss topics in line with the theme as well as several information exhibitions from Government Agencies and Private Sectors such as BICPA, accounting firms and other parties that provide support services for businesses in this country.
6. A total of about 500 people attended the first day of the event including business owners and companies directors, accounting professionals, students, academicians, graduates, job seekers as well as other related stakeholders.

**-END-**

Prepared by:  
Revenue Division  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam  
Email: [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn)

Reference: H/KORP/27  
Date: 24 Zulkaedah 1447/ 12 May 2026